

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik aduan berkenaan penyelewengan kuasa oleh pegawai Kerajaan dalam tempoh PKPD dan PKPB yang diterima oleh SPRM setiap bulan dalam tahun 2020.

JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM telah menerima sebanyak 3,919 maklumat berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan oleh penjawat awam sepanjang tempoh PKPD dan PKPB yang dilaksanakan pada bula Mac sehingga September 2020. Pecahan jumlah maklumat adalah seperti berikut:

| BULAN | JUMLAH MAKLUMAT |
|---------------|-----------------|
| MAC | 510 |
| APRIL | 279 |
| MEI | 275 |
| JUN | 758 |
| JULAI | 962 |
| OGOS | 542 |
| SEPTEMBER | 593 |
| JUMLAH | 3,919 |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2020**

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

SOALAN : BERTULIS

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai keadaan kekurangan pekerja di sektor perindustrian, perladangan, pertanian dan perkhidmatan di setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dasar dan polisi kerajaan tidak menghalang majikan untuk menggaji pekerja asing. Kebenaran untuk menggajikan pekerja asing di sektor dan sub-sektor tertentu bagi pekerjaan kategori asas dan berkemahiran rendah, yang telah dikenal pasti kurang diminati oleh rakyat tempatan untuk menggajikan pekerja asing. Malaysia secara strukturnya bergantung kepada tenaga kerja asing terutamanya pekerja berkemahiran rendah dan berkos rendah, dan ini bukan hanya dalam sektor perladangan dan pertanian tetapi di pelbagai sektor.
2. Namun begitu, kerajaan telah mengumumkan pembekuan pengambilan pekerja asing baharu sehingga 31 Disember 2020. Pembekuan ini adalah bagi mengekang pandemik COVID-19 yang melanda dunia, terutamanya dari negara-negara sumber. Terdapat situasi di mana tenaga kerja asing sedia ada yang tamat tempoh Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) akan kembali ke negara masing-masing. Situasi ini menjaskan keperluan tenaga di pelbagai sektor termasuk perladangan, pertanian dan perkhidmatan.
3. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah pekerja bukan warganegara yang bekerja di negara ini yang memegang

PLKS pada tahun 2018 adalah seramai 2.01 juta orang, dan seramai 1.99 juta orang pada 2019 berbanding pada Ogos 2020 seramai 1.67 juta orang. Terdapat kekurangan tenaga kerja seramai lebih 300,000 pekerja yang pulang ke negara asal dan tiada kebenaran untuk kembali bekerja semula atau tamat tempoh PLKS.

4. Masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor ekonomi negara terutamanya dalam industri di sektor hiliran dan huluau industri perladangan dan pertanian memberi kesan kepada pengeluaran komoditi perladangan dan pertanian. Selain sektor pembuatan dan pelancongan yang menerima impak terbesar, sektor perkhidmatan dan peruncitan turut menerima kesan yang signifikan.
5. Kementerian Sumber Manusia (KSM) tiada maklumat terperinci mengenai senarai kekurangan pekerja di sektor perladangan, pertanian dan perkhidmatan di setiap negeri. Kementerian mengambil maklum mengenai masalah kekurangan pekerja yang dihadapi oleh majikan-majikan di pelbagai sektor ekonomi negara.
6. Namun, dalam tempoh pembekuan pengambilan pekerja asing ini, Kerajaan telah memanfaatkan pekerja asing sedia ada dalam negara dengan memperkenalkan inisiatif baharu dalam proses pertukaran majikan. Permohonan pertukaran majikan perlu dibuat ke KSM terlebih dahulu bagi mendapatkan perakuan sebelum proses temuduga dilakukan oleh Agensi Kawal Selia di *One Stop Centre* (OSC), Kementerian Dalam Negeri (KDN).
7. Kerajaan juga sedang memperinci dan memperhalusi Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia bagi tujuan mengatasi masalah kekurangan pekerja asing di dalam negara yang berlaku pada ketika ini.
8. Melalui usaha dan pelbagai program berterusan di kementerian dan agensi-agensi kerajaan berkaitan, kekurangan pekerja yang dihadapi oleh majikan dapat diatasi terutamanya dengan penyertaan rakyat tempatan mengisi kekosongan pekerjaan di negara ini.

Sekian, terima kasih.